

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 1

RUANGAN :

KKM tingkat usaha 'perangi' COVID-19

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) umum beberapa inisiatif untuk meningkatkan kesiapsiagaannya, termasuk menambah kakitangan pakar, kemudahan kesihatan bagi menghadapi penularan wabak COVID-19.

- Menggerakkan staf perubatan dari negeri lain ke lokaliti kes yang tinggi

- Peroleh 100 ventilator daripada pembekal tempatan dan menempah 350 lagi dari China

- Tambah 6 hospital hibrid, dapatkan kerjasama hospital UKM, USM dan ATM

3,500 Kemampuan ujian pengesanan sehari sekarang

16,000 Kemampuan ujian pengesanan sehari bulan depan

- Hospital swasta diminta mengambil alih rawatan pesakit bukan COVID-19

- Persatuan Perubatan Malaysia dan Persatuan Pakar Bius Malaysia sedia tawarkan kepakaran

- Sudah sediakan 272 katil ICU, 3,400 katil isolasi pesakit COVID-19

Muka 2, 4, 6, 9, 10, 11, 12, 42, 44, 45, 46, 50, 51

Terkini

25 pulih, dibenar keluar hospital, semalam

123 kes baharu disahkan, semalam

10 jumlah kematian dicatat



AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 2

RUANGAN :

KKM susun strategi jangka panjang

Gembleng kepakaran pelbagai pihak tingkat kesiapsiagaan tangani wabak

Putrajaya: Penularan jangkitan COVID-19 yang belum menunjukkan tanda reda dalam tempoh terdekat ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) memasuki hari kelima semalam, menyaksikan Kementerian Kesihatan (KKM) menyusun beberapa strategi jangka panjang mendepani wabak itu. Strategi baharu itu bertujuan meningkatkan lagi kesiapsiagaan pasukan perubatan, khususnya petugas barisan hadapan dan peralatan kesihatan, khususnya di

semua hospital mengendalikan rawatan pesakit COVID-19.

Kawasan jangkitan COVID-19 kini dikenal pasti KKM mengikut lokaliti, membawa pasukan perubatan kepada enam daerah iaitu Petaling Jaya, Lembah Pantai, Hulu Langat, Johor Bahru, Seremban dan Titiwangsa yang dikategorikan zon merah ekoran taburan di antara 40 hingga 100 kes positif.

Antara strategi diumumkan Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, semalam, ialah menggerakkan kakitangannya termasuk pegawai perubatan dan jururawat dari negeri lain ke lokaliti atau hospital yang mempunyai kes tinggi seperti Hospital Sungai Buloh.

Menyadari keperluan memperkukuhkan tenaga kepakaran di kawasan tumpuan, Dr Noor Hisham juga mengumumkan inisiatif untuk mengambil semula jururawat dan doktor pakar yang sudah bersara untuk kembali berkhidmat.

"KKM juga bekerjasama rapat dengan hospital swasta dan sudah mengadakan dua sesi perbincangan untuk membolehkan kes bukan berkaitan COVID-19 dihantar untuk rawatan di fasiliti mereka.

"Masa sama kita juga mendapat kerjasama Persatuan Perubatan Malaysia (MIMA) dan Persatuan Pakar Bius Malaysia yang bersedia membantu apabila khidmat mereka diperlukan," katanya pada sidang media harian, di sini, semalam.

Beliau menjawab soalan media berhubung keupayaan KKM menyediakan petugas barisan hadapan dan peralatan perlindungan diri (PPE) yang mencukupi untuk mereka mengendali peningkatan kes COVID-19.

Untuk peralatan kesihatan, Dr Noor Hisham berkata, KKM menerima 100 alat bantuan pernafasan baharu daripada pembekal tempatan dan sudah membuat tempahan untuk 350 lagi alat itu dari China.

Katanya, alatan itu adalah sebagai tambahan kepada 945 alat bantuan pernafasan yang kini ditempatkan dalam Unit Rawatan Rapi (ICU) hospital kerajaan seluruh negara.

"Kita juga menyasarkan menyediakan 300 katil wad ICU untuk pesakit COVID-19 dan setakat ini sudah berjaya menyediakan 272 katil, manakala sebanyak 3,400 katil lagi disediakan untuk pengasingan pesakit positif virus itu.

"KKM juga sudah menambah enam hospital hibrid, menjadikan jumlah keseluruhan 32 hospital untuk merawat pesakit COVID-19 termasuk satu hospital universiti iaitu Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM).

"Kami juga sedang berbincang mendapatkan kerjasama Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia (HUKM), Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM) dan Hospital Angkatan Tentera Tuanku Mizan untuk menambah kemu-

dahan yang ada," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, KKM juga berupaya melakukan 16,000 ujian pengesanan COVID-19 sehari mulai bulan depan, berbanding hanya 3,500 ujian pada masa ini.

Pada masa ini, semua ujian itu dikendalikan 18 makmal KKM dan lima makmal swasta.

"Institut Penyelidikan Perubatan akan melatih beberapa makmal lain, termasuk di hospital angkatan tentera dan hospital universiti bagi meningkatkan keupayaan kita menjalankan ujian pengesanan COVID-19," katanya.

Beliau turut menzahirkan keprihatinan KKM terhadap kesihatan semua anggota dan petugas barisan hadapannya, termasuk aspek kesihatan mental.

"Di setiap fasiliti, KKM menyediakan perkhidmatan kesihatan mental dan sokongan psikososial untuk ahli keluarga dan mereka yang terkesan dari segi emosi akibat kejadian COVID-19 ini," katanya.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

Dua lagi kematian akibat wabak

46 positif dirawat di ICU, 22 daripadanya perlukan bantuan pernafasan

Putrajaya: Dua lagi kematian akibat COVID-19 dicatatkan, menjadikan jumlah keseluruhan 10 orang di negara ini, setakat semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata kes kematian masing-masing membabitkan kes ke-890, iaitu doktor perubatan Kementerian Kesihatan (KKM) dan kes ke-259 daripada kluster tabligh di Seri Petaling.

"Kes kesembilan adalah lelaki warganegara Malaysia berumur 48 tahun yang mempunyai sejarah perjalanan ke luar negara iaitu Turki.

"Beliau adalah kakitangan KKM yang sebelum ini dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) Hospital Tuanku Fauziah di Kangar, Perlis," katanya pada sidang media harian di sini, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, mangsa disahkan meninggal dunia jam 10.30 pagi semalam.

Kes kematian ke-10, katanya, membabitkan lelaki warganegara Malaysia berusia 74 tahun dari-



Dr Noor Hisham pada sidang media harian berkaitan jangkitan COVID-19 di Kementerian Kesihatan, Putrajaya (Foto BERNAMA)

pada kluster tabligh.

Katanya, mangsa disahkan positif COVID-19 pada 14 Mac lalu dan diberi bantuan alatan pernafasan selepas keadaannya semakin merosot.

"Beliau disahkan positif COVID-19 pada 14 Mac sebelum di-

sahkan meninggal dunia jam 4.05 petang tadi (semalam)," katanya.

Setakat jam 12 tengah hari semalam, beliau berkata, 123 kes baharu dilaporkan, menjadikan jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia kepada 1,306 kes.

Berdasarkan siasatan awal, ka-

tanya, 74 daripada 123 kes baharu dilaporkan itu berkaitan kluster perhimpunan tabligh di Masjid Jamek Seri Petaling, manakala 49 kes lagi adalah berkaitan dengan lain-lain kluster dan masih dalam siasatan untuk kepastian.

Dr Noor Hisham berkata, KKM

Kes kesembilan adalah lelaki warganegara Malaysia berumur 48 tahun yang mempunyai sejarah perjalanan ke luar negara, iaitu Turki. Beliau adalah kakitangan KKM yang sebelum ini dirawat di ICU Hospital Tuanku Fauziah di Kangar, Perlis.

Dr Noor Hisham Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan

merekodkan 25 kes pulih dan dibenarkan keluar hospital semalam, menjadikan jumlah kumulatif kes pulih sepenuhnya dan dilepaskan dari wad kepada 139 kes.

Beliau berkata, 46 kes positif COVID-19 dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) dengan 22 daripada mereka memerlukan bantuan pernafasan.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : LOKAL

Kenal pasti 3 lokasi 'panas'

Petaling Jaya, Lembah Pantai, Hulu Langat catat kes tertinggi jangkitan Covid-19



DR NOOR HISHAM

Oleh Raja Noraina Raja Rahim
rnoraina@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Petaling Jaya, Lembah Pantai dan Hulu Langat adalah tiga lokasi tertinggi kes jangkitan Covid-19 dengan masing-masing mencatatkan 96, 90 dan 75 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, ia berdasarkan statistik dikeluarkan Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat Krisis Kebangsaan (CPRC) yang merekodkan 95 kawasan di seluruh negara mempunyai

kes jangkitan itu.

Beberapa kawasan lain di Lembah Klang dan Selangor yang turut merekodkan kes tinggi ialah di Titiwangsa dengan 41 kes, Gombak (38) dan Klang (23).

Ia diikuti Kepong (24), Kuala Selangor (17), Cheras (11), Putrajaya (9), Sepang dan Kuala Langat masing-masing lapan kes serta tiga kes di Hulu Selangor.

Johor Bahru turut merekodkan kes Covid-19 yang tinggi iaitu 52 kes, Kluang (26), Batu Pahat (23), Muar (13), Kulai (5), Pontian dan Tangkak masing-masing tiga kes manakala satu kes di Segamat serta Mersing, Negeri Sembilan pula

membabitkan Seremban dengan 42 kes, Rembau (10), Tampin (10), Port Dickson (3), Akademik Kepimpinan Pendidikan Tinggi, Nilai (2) dan masing-masing satu kes di Jelebu, Jempol dan Kuala Pilah.

Di Melaka, sebanyak 11 kes direkodkan di Jasin, Alor Gajah (6) dan Melaka Tengah (5).

Kawasan utara Semenanjung juga berlaku penularan jangkitan Covid-19 apabila lapan kawasan di Kedah merekodkan kes dengan daerah Kuala Muda sebanyak 23 kes, Kota Setar (10), Kubang Pasu (6), Langkawi (3), Pendang (2) manakala masing-masing satu kes di Baling, Padang Terap dan

Kulim serta Perlis.

Perak membabitkan kawasan Kinta dengan 21 kes, Hilir Perak (13), Kerian (7), Perak Tengah (6), Manjung (4), Larut Matang Selama (3) dan Batang Padang (1) manakala Pulau Pinang (34) serta Seberang Perai (16).

Di Kelantan, sebanyak 29 kes direkodkan di Kota Bharu manakala Pasir Mas (9), Kuala Krai (8), Bachok (7), Pasir Puteh (4), Tumpat (3) dan Gua Musang (1).

Sebanyak 12 kes direkodkan di Kuala Terengganu, Besut (7), Dungun (5), masing-masing satu kes di Kemaman, Marang dan Setiu manakala di Pahang membabitkan Pekan (13), Kuantan (11), Jerantut (7), Ben-

tong (4) serta Termerloh (2).

Selain itu, Sabah juga menunjukkan taburan kes yang besar dengan Tawau merekodkan sebanyak 37 kes, Lahad Datu (32), Kota Kinabalu (17), Kinabatangan (11), Sandakan (8), Tuaran (6), Beaufort (6), Kota Belud (5), Kunak (5), Sipitang (4), Putatan (3) dan masing-masing satu kes di Papar serta Semporna.

Di Sarawak pula, sebanyak 30 kes di Kuching, Miri (8), Betong (7), Limbang (5), Sarikei (4), Bintulu (4), Mukah (2), Serian (2), Samarahan (2) manakala masing-masing satu kes di Simunjan, Lawas dan Sibul.

RINGKAS

Hantar kakitangan ke lokaliti kes tinggi

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menggerakkan kakitangan perubatan seperti pegawai kesihatan dan jururawat dari negeri lain ke lokaliti yang mempunyai kes yang tinggi dalam usaha menangani penularan Covid-19 ketika ini.

Ketua Pengarah Kesihatan Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata, pada masa sama, pihaknya sudah memulakan usaha mengambil semula jururawat dan pakar yang sudah bersara untuk kembali berkhidmat.

"KKM juga bekerjasama rapat dengan hospital swasta dan sudah mengadakan dua sesi perbincangan untuk melihat kes bukan Covid-19 yang boleh dihantar untuk dirawat di hospital swasta.

"Pada masa sama kita juga mendapat kerjasama dengan doktor dalam Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) selain persatuan pakar bius yang bersedia membantu," katanya pada sidang media di sini, semalam.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : LOKAL

Keluarga ikuti proses dari jauh

Kuching: Jenazah korban ketiga wabak Covid-19 selamat dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Samariang, Petra Jaya di sini, kelmarin.

Sumber berkata, jenazah wanita berusia 40 tahun itu diuruskan oleh kakitangan Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak sebelum Maghrib.

Difahamkan, ahli keluarga mangsa hanya dibenarkan mengikuti proses pengebumian itu dari jauh.

Mangsa disahkan meninggal dunia di Hospital

Umum Sarawak pada jam 1 tengah hari, kelmarin.

Sebelum ini, ibunya meninggal dunia pada jam 2 pagi, 18 Mac lalu namun kematian wanita berusia 79 tahun itu lewat dilaporkan kerana hospital swasta yang merawatnya menunggu keputusan ujian makmal swasta di Kuala Lumpur.

Disebabkan keadaan kelewatan pengesahan

sebagai mangsa Covid-19, jenazah warga emas itu diuruskan seperti biasa tanpa prosedur ketat di Tanah Perkuburan Islam Samariang.

Kelmarin, Timbalan Ketua Menteri Datuk Amar Douglas Uggah Embas mengesahkan seorang lagi ahli keluarga mangsa dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) Hospital Umum Sarawak.



JENAZAH korban ketiga wabak Covid-19 selamat dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Samariang, kelmarin.

Dua lagi korban

KKM umum 123 kes positif baharu sehingga semalam



Oleh Raja Noraina Raja Rahim
rnoraina@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengesahkan dua lagi korban Covid-19, semalam menjadikan 10 kematian direkodkan di Malaysia.

Ketua Pengarahnya Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, negara turut merekodkan 123 kes positif baharu menjadikan jumlah kumulatif kes positif sebanyak 1,306 kes.

Menurutnya, daripada jumlah itu, 74 kes dikesan dari kluster perhimpunan ijtimaik tabligh Masjid Jamek Seri Petaling manakala 49 kes dari kluster lain yang masih dalam siasatan.

"Dukacita dimaklumkan setakat ini terdapat pertambahan dua kes kematian baharu dilaporkan ke Pusat Kesiapsiagaan dan Tindakan Cepat Krisis Kebangsaan

FAKTA NOMBOR MENGENAI COVID-19 DI MALAYSIA

- JUMLAH HOSPITAL UNTUK COVID (135 hospital kerajaan seluruh negara) → 26
- JUMLAH KATIL KHAS UNTUK PESAKIT COVID → 3,400
- UNIT RAWATAN RAPI UNTUK PESAKIT COVID → 300
- BILANGAN VENTILATOR KHAS UNTUK PESAKIT COVID (KKM mempunyai 925 ventilator) → 500
- TOPENG MUKA DIPERLUKAN → 2 juta
- PEROLEHAN TOPENG MUKA BAHARU → 100,000 (Dari China)
- JUMLAH JURURAWAT SELURUH MALAYSIA (Pertambahan 830 jururawat utk Covid) → 87,956
- JUMLAH DOKTOR SELURUH MALAYSIA (Pertambahan 1,000 doktor baharu di hospital kerajaan) → Lebih 60,000 doktor dalam sektor awam dan swasta
- JUMLAH DOKTOR DAN JURURAWAT DIANGKITI COVID → 15 orang



Kes kematian kesepuluh membabitkan seorang lelaki berusia 74 tahun daripada kluster tabligh iaitu kes ke-259"

Dr Noor Hisham

dan disahkan positif Covid-19 pada 18 Mac lalu.

"Mangsa meninggal dunia pada jam 10.33 pagi tadi (semalam)," katanya pada sidang media di Putrajaya, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, kes kematian kesepuluh membabitkan seorang lelaki berusia 74 tahun daripada kluster tabligh iaitu kes ke-259.

"Mangsa dimasukkan ke Hospital Pulau Pinang pada 13 Mac selepas mengalami simptom dan disahkan positif pada 14 Mac.

"Mangsa diberi bantuan pernafasan selepas keadaan kesihatan semakin merosot dan meninggal dunia pada jam 4.05 petang hari ini (semalam)," katanya.

Selain itu, katanya, bilangan petugas KKM yang menjalani saringan pengesanan Covid-19 adalah seramai 460 orang dan daripada jumlah itu, 270 didapati negatif manakala baki masih menunggu keputusan.

Mangsa kesembilan bukan 'frontliners'

Kuala Lumpur: Doktor menjadi mangsa kesembilan meninggal dunia akibat Covid-19, semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, mangsa warga Malaysia berusia 48 tahun adalah kes ke-890 dan mempunyai sejarah perjalanan ke Turki.

"Mangsa dimasukkan ke Hospital Tuanku Fauziah, Kangar pada 17 Mac selepas mengalami simptom *Severe Acute Respiratory Infection* dan disahkan positif Covid-19 pada 18 Mac lalu.

"Bantuan alatan pernafasan diberikan sejak 19 Mac selepas keadaan kesihatan

nya merosot. Dia disahkan meninggal dunia pada 10.33 pagi, hari ini," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Menurutnya, kes jangkitan Covid-19 ini disyaki bukan dalam kalangan barisan hadapan (*frontliners*) mahupun daripada kalangan rakan kerja (*working colleague*) yang berdepan dengan pesakit wabak itu.

"Ia berkait dengan sejarah perjalanan ke luar negara. Seluruh warga KKM mengucapkan takziah kepada ahli keluarga arwah," katanya.

Harian Metro difahamkan mangsa adalah pakar patologi di sebuah hospital di Kangar, Perlis.

Polis beri amaran supaya tak berkumpul di kubur

Rantau Panjang: Jenazah kelapan mangsa Covid-19 selamat dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Rantau Panjang di sini, jam 3.30 pagi, semalam.

Tinjauan di lokasi pengebumian mendapati sekitar 8 malam kelmarin mendapati terdapat beberapa individu dipercayai mereka yang bertanggungjawab menguruskan tempat pengebumian, mula menggali kubur.

Pada 9.46 malam, kelihatan empat kenderaan polis termasuk pacuan empat roda serta kakitangan Jabatan

Kesihatan sampai ke lokasi perkuburan.

Bagi memastikan keadaan selamat, polis beberapa kali memberi amaran kepada orang ramai untuk tidak berkumpul di kawasan berdekatan.

Suasana di lokasi sunyi sepi untuk beberapa jam dengan hanya dipenuhi dengan lampu kenderaan polis termasuk terdapat tidak lebih 10 individu dipercayai ahli keluarga dan kenalan arwah yang memakai penutup mulut dan hidung dibenarkan berada di lokasi.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

Dua lagi korban Covid-19

Jumlah keseluruhan kematian akibat Covid-19 di Malaysia kini sebanyak 10 kes

Oleh HIDAYAH HAIROM

PUTRAJAYA

Malaysia mencatatkan pertambahan dua lagi kematian akibat koronavirus (Covid-19) yang dilaporkan ke Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat Krisis Kebangsaan (CPRC) semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, pelaporan terbaru itu menjadikan jumlah kumulatif kes kematian Covid-19 di Malaysia adalah sebanyak 10 kes sehingga kini.

"Kes kematian kesembilan merupakan kes lelaki warga Malaysia berumur 48 tahun yang mempunyai sejarah perjalanan ke Turki. Beliau merupakan kakitangan

KKM yang sebelum ini dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) Hospital Tuanku Fauziah, Kangar dan disahkan meninggal dunia hari ini (semalam).

"Kes kematian ke-10 melibatkan lelaki warga Malaysia berusia 74 tahun dari pada kluster tabligh yang dimasukkan ke Hospital Pulau Pinang pada 13 Mac 2020 setelah mengalami simptom pada 8 Mac.

"Lelaki itu telah disahkan positif Covid-19 pada 14 Mac 2020 dan diberikan bantuan alatan pernafasan setelah keadaan kesihatan beliau semakin merosot. Beliau disahkan meninggal dunia pada jam 4.05 petang tadi (semalam)," katanya pada sidang akhbar Situasi Semasa Jangkitan Covid-19 di Malaysia di sini.

Pada sidang akhbar itu, beliau berkata, sehingga jam 12 tengah hari semalam, terdapat 123 kes baharu yang telah dilaporkan menjadikan jumlah kes positif Covid-19 di Malaysia adalah sebanyak 1,306 kes.

Sehingga kini, katanya, seramai 46 kes positif Covid-19 sedang dirawat di ICU di

mana 22 memerlukan bantuan pernafasan.

Katanya, terdapat 25 kes yang telah pulih dan dibenarkan discaj menjadikan jumlah kumulatif kes yang telah pulih dan telah discaj daripada wad adalah sebanyak 139 kes.

Dr Noor Hisham turut memaklumkan, seramai 460 anggota Kementerian Kesihatan Malaysia telah menjalani saringan pengesanan Covid-19 di mana 270 daripadanya didapati negatif manakala baki 190 masih menunggu keputusan.

Dalam pada itu, beliau berkata, hasil saringan pengesanan Covid-19 terhadap kluster himpunan tabligh setakat ini didapati sebanyak 10 peratus daripada kumpulan individu yang disa-

ring didapati positif.

Beliau turut menyatakan rasa khuatir kemungkinan wabak Covid-19 dalam kalangan kluster perhimpunan tabligh diimport dari luar negara.

"Perhimpunan tabligh melibatkan 25 buah negara dan kami faham bahawa terdapat 695 peserta dari Indonesia, jadi kami bimbang ada kemungkinan penyebaran Covid-19 (dalam kalangan peserta tabligh) mungkin telah diimport dari luar negara," katanya.

Mengenai Ijtima of Asia 2020 di Indonesia, Dr Noor Hisham berkata, saringan telah dilakukan ke atas 11 jemaah tabligh rakyat Malaysia yang telah menghadiri program di Sulawesi itu.

"Pemimpin tabligh maklumkan mungkin 85 orang telah hadir perhimpunan di Sulawesi.

"Jadi kemungkinan dalam 80 hingga 100 orang keseluruhan warga negara Malaysia (hadir program itu)," katanya.



DR NOOR HISHAM

16,000 ujian Covid-19 setiap hari menjelang April

PUTRAJAYA - Malaysia akan menambatkan kapasiti kemampuan jumlah ujian PCR (*Polymerase chain reaction*) bagi kes koronavirus (Covid-19) sehingga 16,000 kes sehari berbanding 3,500 kes sehari pada masa ini.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, kapasiti berkenaan akan ditingkatkan kepada 7,000 sehari pada minggu depan dan 16,000 pada April.

Menurutnya, makmal ujian bagi kes Covid-19 juga akan dikembangkan membolehkan kes jangkitan virus itu dapat cepat dikenal pasti.

"Setakat ini kita ada 23 makmal termasuk lima makmal swasta. IMR telah

melatih makmal-makmal seperti agkutan tentera dan dua universiti. Kita akan kembangkan ujian tersebut di universiti dan makmal-makmal lain.

"Setakat ini kita boleh menguji 3,500 kes sehari dan akan meningkat kepada 7,000 pada minggu depan dan 16,000 sehari pada April.

"Apabila kita ada kemampuan untuk ujian, kita akan uji untuk mengesan. Bila sah baru kita asingkan untuk kita beri rawatan," katanya di sini semalam.

Beliau berkata, pendekatan bersasar sedang dilaksanakan oleh pihaknya di peringkat lokaliti dan daerah dalam mengenal pasti pesakit dalam siasatan (PUT) dan kontak rapat.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 20

RUANGAN : MEMERANGI COVID-19

'Red Flag' di Jabatan Anestesiologi HRPZ II tidak benar

KOTA BHARU - Jabatan Kesihatan Kelantan menafikan khabar angin yang mendakwa perkhidmatan klinikal Jabatan Anestesiologi Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZII), Kota Bharu lumpuh dan diisytiharkan 'red flag'.

Pengarah Kesihatan Negeri, Datuk Dr Zaini Husin dalam satu kenyataan di sini semalam berkata, perkhidmatan klinikal di bawah Jabatan Anestesiologi masih berjalan selaras dengan arahan Kementerian Kesihatan (KKM) dan Perintah Kawalan Pergerakan oleh kerajaan bagi membendung penularan wabak coronavirus (Covid-19).

Menurutnya, keutamaan perkhidmatan klinikal Jabatan Anestesiologi ditumpukan ke-



DR ZAINI

pada perkhidmatan Unit Rawatan Rapi (ICU) dan pembedahan kecemasan.

"Pihak HRPZ II juga berkolaboratif dengan Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM) Kubang Kerian bagi memudahkan pengurusan klinikal pesakit yang me-

merlukan.

"Semua pakar dan pegawai perubatan Jabatan Anestesiologi yang merawat pesakit Covid-19 di HRPZ II telah dibekalkan dengan peralatan perlindungan peribadi (PPE) termasuk *powered air purifying respirator* (PAPR) yang baharu dan berfungsi," katanya.

Katanya, berita kematian pakar ICU di HRPZII yang disahkan mendapat jangkitan Covid-19 seperti mana ditularkan di laman sosial juga adalah palsu.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NEWS/STORY OF THE DAY

1,306 CASES

TWO MORE SUCCUMB TO COVID-19 INFECTION

Doctor who had travelled to Turkey was first case involving medical personnel

PUTRAJAYA

TWO more people died from Covid-19 infection yesterday, bringing the death toll in the country to 10.

Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah said the Crisis Preparedness and Response Centre received reports of the fatalities at noon yesterday.

The ninth victim was a 48-year-old doctor, who had travelled to Turkey and sought treatment at Tuanku Fauziah Hospital in Kangar, Perlis, upon returning home.

"He was admitted to Tuanku Fauziah Hospital in Kangar on March 17 due to severe acute respiratory infection. He tested positive for Covid-19 on March 18 and was placed on ventilator support when his condition deteriorated.

"He was pronounced dead at 10.33am (yesterday)," said Dr Noor Hisham. He conveyed his condolences to the victim's family on behalf of the Health Ministry.

He said the case was believed to be linked to the doctor's travel history and not due to him being a frontliner in dealing with Covid-19 patients.

The government doctor was the first Covid-19 fatality involving medical personnel.

Dr Noor Hisham said the 10th victim and Case 259 was a 74-year-old Malaysian man, who was warded at Penang Hospital on March 13.

He was from the Seri Petaling Mosque tabligh gathering cluster and had shown Covid-19 symptoms on March 8.

He tested positive for the virus on March 14.

"He was placed on ventilator support when his condition deteriorated. He was pronounced dead at 4.05pm yesterday," Dr Noor Hisham told a televised press conference.

He said 123 new cases were reported yesterday, bringing the total number of cases to 1,306.

He said of the 46 patients in the intensive care unit, 22 required



Shoppers wearing masks at a hypermarket in Sungai Petani yesterday. BERNAMA PIC

ventilator support.

Dr Noor Hisham said 743 cases were from the tabligh gathering cluster.

The ministry has screened 11,000 people related to the four-day religious gathering.

He said Malaysia was in its fourth phase of mitigation, which is crucial as there is "a small window" of opportunity to break the chain of transmission.

He said 25 patients had recovered and were discharged yesterday, bringing the number of those discharged to 139.

He said 460 ministry staff members had been screened for Covid-19, with 270 testing negative.

The ministry was awaiting the results of 190 samples.

On Saturday's announcement that 409 quarantine zones would be set up at government institutions and departments, Dr Noor Hisham said the premises would be used to accommodate Covid-19 patients who were in stages one and two or those who showed mild symptoms.

He said those in stages three to five and those who required ventilator support would be treated in hospitals.

The ministry was also looking at securing more laboratories for Covid-19 tests, in addition to the 18 public and five private facilities.

"We are looking at other labs, including those in universities

and the armed forces. Some 3,500 tests are carried out daily and we expect the number to increase to 7,000 to 16,000 next month."

Dr Noor Hisham said the ministry was looking at hiring retired medical staff and specialists to ensure adequate manpower at Covid-19-designated hospitals.

He said with their employment, more resources could be deployed to hospitals such as Sungai Buloh Hospital.

He said the ministry was also collaborating with private hospitals and non-governmental organisations, such as the Malaysian Society of Anaesthesiologists, to get their expertise.

Dr Noor Hisham said health-care and medical workers had to be mentally prepared should the number of Covid-19 cases continue to spike.

"The ministry is concerned about the health of staff, including their mental health. We are providing mental health services and psychosocial support for families and those affected by Covid-19."

He said the ministry's primary health facilities would be operating as usual during the Movement Control Order.

However, rural clinics, which treat fewer than 20 patients a day, will operate between 8am and 1pm, while community clinics will be opened from 9am to 6pm. Clinics in urban transformation centres will be closed.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NATION

123 new virus cases surface

Two new Covid-19 deaths also recorded, says Health Ministry

PETALING JAYA: Another 123 Covid-19 cases and two more deaths were reported, bringing the total to 1,306 cases and 10 deaths from the disease, says the Health Ministry.

Health director-general Datuk Seri Dr Noor Hisham Abdullah said 74 of the 123 new cases were linked to the tabligh cluster while the other 49 were still being investigated.

Dr Noor Hisham said there were 46 patients in intensive care, with 22 needing respiratory aid.

On the two additional deaths, Dr Noor Hisham said the ninth death involved a 48-year-old health ministry staff member who had travelled



to Turkey and died yesterday.

The 10th death was a 74-year-old man from the tabligh cluster and also the 259th Covid-19 patient.

He was warded at Penang Hospital on March 13 and succumbed to his illness yesterday.

He said the minister was told at least 14,500 Malaysians were at the tabligh event that was held at Sri Petaling mosque, not 1,600.

"We have managed to trace over 11,000 participants and have done sampling on 6,700," he said.

He said 62% of the country's Covid-19 cases were linked to the tabligh cluster, representing 743 out of the 1,306 cases so far.

"The ministry would like to express its condolences to their family members," said Dr Noor Hisham of the deaths.

He also said 460 Health Ministry staff members had gone through

Covid-19 screening as of March 22.

Out of the number, 270 were found negative while the remaining 190 are still waiting for results.

He also said that the ministry was providing mental health services and psychosocial support for them and their families who were emotionally affected by the viral crisis.

Twenty-five patients recovered, said Dr Noor Hisham, bringing the number of those discharged to 139.

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

123 new cases, 2 more deaths

PUTRAJAYA: Malaysia recorded 123 new Covid-19 cases yesterday, bringing the total to 1,306.

The death toll has increased to 10, according to Health Director-General Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, after two more casualties were reported yesterday.

This included a 48-year-old male pathologist, who became the country's first medical professional to succumb to the novel coronavirus.

Noor Hisham said the victim, who had travelled to Turkey recently, died at 10.33am at the Tuanku Fauziah Hospital in Kangar, Perlis.

He was believed to have contracted the virus during his trip.

The second death involved a 74-year-old man who attended the tabligh gathering between Feb 27 and March 1.

"He was admitted to Pulau Pinang Hospital on March 13 after showing symptoms, and was confirmed positive of Covid-19 on

March 14. He died at 4.05pm yesterday," Noor Hisham said at a press conference.

He said of the 123 new cases, 74 were from the cluster that had attended the tabligh event in Sri Petaling.

In total, 743 of the overall cases (or 62%) involve those who were at the mass religious gathering.

Noor Hisham said 46 are currently under intensive care with 22 of them on ventilators.

He said the ministry is prepared to face an increase in the number of cases, adding it has enough facilities and manpower to handle the situation.

He said presently, 26 hospitals are equipped to handle Covid-19 cases, and the ministry is procuring 450 new ventilators on top of the existing 945.

"We have also allocated 300 beds for ICU, and 3,400 beds for isolation purposes. We are also trying to include more hospitals and beds to the list." - by **Amar Shah Mohsen**